

Kepimpinan dalam
**PEMBANGUNAN
KOMUNITI**

Strategi, Cabaran dan Masa Depan

KHAIRUNESA ISA
BINTI MAUNAH

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2026

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis:
Khairunesa Isa
Binti Maunah

Diterbitkan oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
Tel: 07-453 8529/8698

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com

Penerbit UTHM adalah ahli
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Dicetak oleh:
Attin Press Sdn. Bhd.
No 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Putra Permai,
43300 Seri Kembangan, Selangor.
No. Tel: 03-89390660



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-275-6

Isi Kandungan

<i>Prakata</i>	xi
<i>Penghargaan</i>	xv

BAB SATU: KONSEP ASAS KEPIMPINAN DALAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

Pengenalan	1
Konsep Asas Pembangunan Komuniti	2
Kepimpinan sebagai Pemacu Perubahan Sosial	6
Penglibatan Komuniti dalam Program Pembangunan	12
Teori Kepimpinan dalam Pembangunan Komuniti	16
Kesimpulan	29

BAB DUA: PEMBANGUNAN KOMUNITI BERTERASKAN KEPIMPINAN INKLUSIF

Pengenalan	33
Konsep Kepimpinan Inklusif dalam Pembangunan Komuniti	34

Membina Jaringan Sosial dan Pengukuhan Modal Sosial	50
Pemeriksaan Golongan Rentan	55
Kesimpulan	67

BAB TIGA: KEPIMPINAN DIGITAL DAN PENGARUH TEKNOLOGI DALAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

Pengenalan	69
Transformasi Digital dalam Kepimpinan Komuniti	70
Pengaruh Media Sosial dalam Mobilisasi Komuniti	73
<i>Big Data</i> dan Kecerdasan Buatan dalam Pembangunan Komuniti	76
Cabaran dan Peluang dalam Integrasi <i>Big Data</i> serta Kecerdasan Buatan dalam Pembangunan Komuniti	80
Gerakan Digital dan Kepimpinan Komuniti di ASEAN	84
Cabaran dan Masa Depan Gerakan Digital di ASEAN	88
Kesimpulan	93

BAB EMPAT: STRATEGI PEMBANGUNAN KOMUNITI BERKESAN MELALUI KEPIMPINAN

Pengenalan	97
Rangka Kerja Pembangunan Komuniti Berasaskan Kepimpinan	98
Kerangka Asas Model Program Pembangunan Komuniti	101

Pendekatan Pemeraksanaan dalam Pembangunan Komuniti	106
Pemimpin sebagai Agen Perubahan	117
Kesimpulan	120

BAB LIMA: CABARAN DAN MASA DEPAN KEPIMPINAN DALAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

Pengenalan	123
Cabaran Utama Kepimpinan Komuniti	124
Melahirkan Kepimpinan Komuniti yang Berdaya Tahan	141
Pengurusan Krisis dan Ketahanan Komuniti dalam Situasi Bencana	147
Implikasi Kepimpinan Terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	152
Kesimpulan	157
<i>Bibliografi</i>	161
<i>Biografi</i>	171
<i>Indeks</i>	173

Senarai Jadual

Jadual 1.1	Pendekatan Program Pembangunan Komuniti	6
Jadual 1.2	Tangga Penglibatan Komuniti Arnstein (1969)	15
Jadual 2.1	Amalan Kepimpinan Inklusif dan Kesan-kesannya	44
Jadual 2.2	Ciri Pemimpin Berintegriti	48
Jadual 4.1	Langkah Pendekatan Pemeriksaan dalam Pembangunan Komuniti	108

Senarai Rajah

Rajah 2.1	Konsep Kepimpinan Inklusif	40
Rajah 4.1	Proses Rangka Kerja Berasaskan Pemimpin	100

Prakata

Kepimpinan dalam pembangunan komuniti bukan sekadar satu peranan, tetapi satu tanggungjawab besar yang menuntut kebijaksanaan, wawasan, dan tindakan berstrategi. Dalam dunia yang semakin kompleks akibat globalisasi, digitalisasi dan cabaran sosial yang pelbagai, pemimpin komuniti perlu memiliki keupayaan untuk memahami realiti semasa, membina jaringan sosial yang kukuh, serta mengadaptasi teknologi bagi memastikan kesejahteraan dan kelestarian komuniti. Keberkesanan kepimpinan tidak hanya diukur melalui keupayaan untuk mengurus, tetapi juga dalam keupayaan menginspirasi, menggerakkan, dan memperkasakan individu untuk bersama membentuk perubahan yang mampan.

Buku ini menggarap pelbagai aspek kepimpinan dalam konteks pembangunan komuniti. Bermula dengan konsep asas pembangunan komuniti, peranan kepimpinan sebagai pamacu perubahan sosial, serta kepentingan penglibatan masyarakat dalam menjayakan inisiatif pembangunan. Pemahaman terhadap teori kepimpinan yang berteraskan pendekatan saintifik dan praktikal turut diketengahkan bagi membolehkan pemimpin komuniti mengaplikasikan strategi yang efektif. Kepimpinan yang inklusif menjadi salah satu fokus utama dengan penekanan terhadap bagaimana pemimpin dapat membina persekitaran yang

menghargai kepelbagaian, memperkuat jaringan sosial, serta memperkasakan golongan rentan dalam masyarakat.

Dalam era digital, kepimpinan tidak lagi terbatas kepada interaksi fizikal semata-mata. Transformasi digital, pengaruh media sosial, serta pemanfaatan *big data* dan kecerdasan buatan telah mengubah landskap pembangunan komuniti. Buku ini turut membincangkan bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan sebagai alat strategik untuk mempercepatkan pembangunan, memperluaskan jangkauan pengaruh, serta memperkasakan komuniti, khususnya di rantau ASEAN. Teknologi bukan hanya alat komunikasi, tetapi pemangkin kepada inovasi sosial dan keterlibatan yang lebih meluas dalam pembangunan komuniti.

Setiap strategi pembangunan komuniti yang berkesan haruslah berakar pada kepimpinan yang berwibawa dan berorientasikan perubahan. Buku ini turut meneliti pelbagai rangka kerja kepimpinan dan pendekatan pemerkasaan dalam pembangunan komuniti, selain membincangkan bagaimana pemimpin boleh bertindak sebagai agen perubahan yang mampu menggerakkan komuniti ke arah masa depan yang lebih progresif. Kepimpinan bukan hanya soal memberi arahan, tetapi tentang membimbing masyarakat untuk memiliki keupayaan berdikari, meningkatkan daya tahan, serta melahirkan ekosistem yang menyokong pembangunan lestari dan inklusif.

Namun, kepimpinan komuniti tidak terlepas dari cabaran. Pemimpin perlu berhadapan dengan pelbagai isu termasuk pengurusan krisis, daya tahan komuniti dalam menghadapi bencana, serta keperluan memastikan setiap inisiatif pembangunan sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Buku ini turut mengupas

cabaran utama yang dihadapi pemimpin komuniti dan merangka pendekatan yang boleh diambil bagi memastikan kesinambungan kepimpinan berkualiti pada masa hadapan. Semoga buku ini menjadi sumber rujukan yang bernilai kepada pemimpin komuniti, ahli akademik, penyelidik, pembuat dasar serta semua pihak yang berkepentingan dalam pembangunan sosial. Kepimpinan yang efektif bukan sekadar satu posisi, tetapi satu komitmen untuk membimbing, menginspirasi, dan menggerakkan masyarakat ke arah perubahan yang bermakna.

Penghargaan

Dengan penuh rasa syukur, Alhamdulillah dengan izin Allah SWT, buku ini dapat diterbitkan. Terima kasih kepada Unit Kompetensi UTHM atas peluang yang diberikan bagi menayakan program cuti sebatikal ini.


Sekalung penghormatan kepada Prof. Dr. Hj. Binti Maunah, MPdI, atas sokongan dan dorongan dalam menyiapkan penulisan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Penerbit UTHM atas bantuan dalam proses penerbitan buku ini.

Setulus terima kasih kepada semua individu yang telah menyumbang kepada penulisan ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung, melalui pandangan yang bernas, sokongan yang berterusan serta dorongan yang tidak ternilai.

Terima kasih.

Bab Satu



Konsep Asas Kepimpinan dalam Pembangunan Komuniti

PENGENALAN

Kepimpinan komuniti bukan sekadar satu peranan, tetapi satu keperluan dalam membentuk masyarakat yang inklusif, berdaya tahan dan progresif. Pemimpin komuniti bertindak sebagai penghubung antara masyarakat dan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pihak kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta. Di peringkat global seperti Malaysia dan Indonesia, kepimpinan komuniti memainkan peranan kritikal dalam menangani isu-isu sosial, memperkasa individu serta memastikan kesejahteraan dan pembangunan berterusan dalam masyarakat selari dengan keperluan semasa serta masa hadapan.

Dalam dunia yang semakin kompleks akibat globalisasi dan digitalisasi, pemimpin komuniti perlu bersikap dinamik dan inovatif. Kepimpinan yang berkesan tidak lagi bergantung hanya pada karisma, arahan dan pengalaman, tetapi juga pada keupayaan untuk memahami trend semasa, memanfaatkan teknologi dan menggerakkan komuniti ke arah perubahan positif sesuai keperluan masa hadapan. Ini kerana, dalam menongkah arus mendepani masa hadapan, pelbagai cabaran dan peluang sentiasa berkembang misalnya daripada isu kemiskinan bandar

hingga ke kemampuan beradaptasi terhadap teknologi pintar. Oleh itu, pendekatan kepimpinan komuniti perlu ditransformasikan agar lebih berdaya tahan, responsif, dan inklusif.

KONSEP ASAS PEMBANGUNAN KOMUNITI

Istilah pembangunan sering digunakan dalam pelbagai disiplin. Menurut Alexander (1994), pembangunan merupakan satu proses perubahan yang merangkumi keseluruhan sistem sosial seperti politik, ekonomi, infrastruktur, pertahanan, pendidikan dan teknologi dan institusi, serta budaya. Manakala Portes (1976) pula mendefinisikan pembangunan sebagai transformasi ekonomi, sosial, dan budaya. Pembangunan merupakan satu proses perubahan yang dirancang untuk meningkatkan pelbagai aspek kehidupan manusia. Dalam konteks kebangsaan, Zaheruddin dan Yusof Pon (2005) memetik Laporan Suruhanjaya Selatan (1990) yang menjelaskan bahawa pembangunan sebagai proses yang membolehkan manusia mencapai potensi sepenuhnya, membina keyakinan, dan bergerak menuju kehidupan penuh bermakna iaitu bebas dari penindasan politik, ekonomi, dan sosial. Lazimnya boleh dikatakan bahawa pembangunan adalah satu proses yang bermatlamat untuk mencapai satu tahap yang lebih baik dari sebelumnya.

Komuniti pula boleh dirujuk sebagai kelompok sosial yang tinggal dalam lokaliti tertentu secara bersama dan memiliki kebudayaan serta sejarah yang sama (Hillery, 1955). Istilah komuniti sering digunakan dalam bidang sains sosial untuk melihat corak tingkah laku, perubahan tingkah laku, interaksi terhadap persekitaran dan sebagainya. Manakala Maimunah (2009) mendefinisikan komuniti

sebagai sekumpulan individu yang mendiami kawasan yang dikenal pasti, saling berinteraksi dan bergantung antara satu sama lain untuk memenuhi keperluan kehidupan.

Pembangunan komuniti merupakan proses dinamik yang menggabungkan usaha komuniti dengan inisiatif strategik badan kerajaan dan badan bukan kerajaan. Matlamat utamanya adalah meningkatkan status ekonomi, sosial dan kebudayaan komuniti, yang pada akhirnya menyumbang kepada kemajuan holistik negara. Kajian lepas menunjukkan terdapat tiga pendekatan yang sering digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis pendekatan pelaksanaan sesuatu program pembangunan komuniti iaitu:

- i. Pendekatan atas-bawah (*top-down approach*)
- ii. Pendekatan bawah-atas (*bottom-up approach*)
- iii. Pendekatan bersepadu (*integrated approach*)
 - i. Pendekatan atas-bawah (*top-down approach*) mencerminkan model tradisional di mana institusi pemerintah mengarahkan inisiatif pembangunan untuk komuniti. Program ini akan memfokus kepada objektif nasional dan perancangan terpusat. Ia memberikan kerangka kerja yang tersusun namun sering kali kurang responsif terhadap keperluan khusus masyarakat tempatan, seperti yang dikemukakan oleh Ross (1967), Hunter (1982), Roger (1995) dan Hansen (1981). Antara sebab mengapa pendekatan ini kurang mendapat sambutan dan penglibatan daripada komuniti adalah kerana objektif program tidak selaras dengan keperluan dan kehendak komuniti (Pawar, 2020). Pendekatan ini biasanya hanya akan dihadiri bagi tujuan memenuhi keperluan pihak berautoriti



Pembangunan Komuniti Berteraskan Kepimpinan Inklusif

PENGENALAN

Pembangunan komuniti yang berkesan memerlukan asas kepimpinan yang inklusif, melibatkan penyertaan aktif pelbagai lapisan masyarakat serta menekankan nilai-nilai teras seperti kepercayaan, akauntabiliti dan pemerkasaan. Kepimpinan inklusif boleh didefinisikan sebagai pendekatan kepimpinan yang mengutamakan penciptaan persekitaran yang mengiktiraf dan menghargai kepelbagaian. Pemimpin inklusif berusaha untuk memastikan setiap individu dalam komuniti merasa dihargai, dihormati dan diberikan ruang untuk menyumbang kepada pencapaian matlamat bersama. Kepelbagaian bukan sahaja dilihat sebagai kekuatan, tetapi juga sebagai peluang untuk meraih kecemerlangan dalam konteks komuniti mahupun organisasi.

Kepimpinan inklusif yang berdaya saing tidak hanya memupuk keharmonian sosial, tetapi juga bertindak sebagai pemangkin perubahan yang memberi impak positif dan berpanjangan kepada komuniti. Lalu, apakah yang menjadikan seseorang merasa diterima dalam sesebuah komuniti? Ia pastinya melibatkan perasaan dihargai, dilayan dengan adil dan hormat serta merasakan peranan mereka dihargai. Bab ini akan mengupas konsep inklusif

dalam pembangunan komuniti, termasuk kerangka teori kepimpinan inklusif, peranan kepimpinan inklusif dalam pembangunan komuniti, serta kepentingannya untuk kemajuan sosial. Di samping itu, perbincangan tentang kepimpinan berasaskan kepercayaan dan akauntabiliti serta usaha membina jaringan sosial dan pengukuhan modal sosial turut diketengahkan. Fokus juga diberikan kepada pemerksaan golongan rentan dalam masyarakat.

KONSEP KEPIMPINAN INKLUSIF DALAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

Kepimpinan merujuk kepada kemampuan seseorang atau sekumpulan individu untuk memimpin, mengarahkan dan mempengaruhi orang lain dalam mencapai matlamat bersama. Kepimpinan yang efektif bukan sekadar membuat keputusan tepat dan menentukan hala tuju, tetapi turut menuntut nilai etika yang kukuh, keupayaan merangsang kerjasama, serta kemampuan memperkasakan individu dan komuniti. Secara asasnya konsep kepimpinan mudah diperdebatkan namun sulit untuk dipraktikkan.

Kepimpinan inklusif pula merujuk kepada pendekatan yang menekankan penerimaan dan penghargaan terhadap kepelbagaian dalam masyarakat. Konsep ini berfokus pada mencipta persekitaran di mana semua individu, tanpa mengira latar belakang, identiti, atau keupayaan, dapat menyumbang, diterima dan diberi peluang untuk berkembang dalam organisasi atau komuniti. Dalam konteks pembangunan komuniti, kepimpinan inklusif bukan hanya mengutamakan keterlibatan semua pihak tetapi juga memastikan bahawa setiap suara didengar dan dihargai (Shore *et al.*, 2011). Brianna Radicioni (2023) seorang Pengarah Bersekutu Kandungan Strategi di Babson College

berpendapat kepimpinan inklusif boleh dikaitkan dengan gaya kepimpinan yang tulen kerana memberi tumpuan kepada keaslian setiap individu dan mewujudkan budaya kepelbagaian serta inklusiviti sama ada di tempat kerja atau dalam sebuah komuniti.

Menurut Nembhard dan Edmondson (2006), kepimpinan inklusif merujuk kepada keupayaan seorang pemimpin untuk mencipta persekitaran yang membolehkan individu merasa diterima dan dihargai atas keunikan serta perspektif mereka. Dalam konteks pembangunan komuniti, pemimpin perlu memberi perhatian serius terhadap kepelbagaian. Bukan sahaja dari aspek etnik dan budaya, tetapi juga dalam aspek pemikiran, pengalaman dan keperluan individu. Kepelbagaian bukan dianggap sebagai cabaran, tetapi sebagai kekuatan yang memberi peluang kepada komuniti untuk berkembang dengan lebih dinamik dan inovatif.

Pemimpin inklusif tidak melihat kepelbagaian sebagai isu yang perlu diatasi, tetapi sebagai sumber utama bagi peningkatan kreativiti dan penyelesaian masalah. Dengan menghargai dan merayakan perbezaan, mereka mendorong kemunculan idea-idea baharu yang lebih kreatif dan seterusnya menyumbang kepada pembaharuan serta pembangunan yang berterusan dalam organisasi mereka. Dalam erti kata lain, kepelbagaian menjadi asas bagi penciptaan penyelesaian yang lebih efektif dan relevan dengan cabaran semasa.

Di samping itu, seorang pemimpin inklusif juga bertanggungjawab untuk mewujudkan suasana kerja yang positif, kondusif dan selamat, di mana setiap ahli komuniti dapat berinteraksi tanpa rasa takut atau didiskriminasi. Keadaan ini secara langsung meningkatkan semangat

inklusif membawa impak positif dalam pelbagai sektor, termasuk pendidikan, ekonomi, politik, dan keusahawanan. Ini memperlihatkan bahawa komuniti yang dipimpin dengan nilai inklusiviti lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran serta lebih inovatif dalam mencari penyelesaian terhadap masalah sosial yang kompleks.

Tambahan pula, pemerkasaan golongan rentan seperti wanita, belia, OKU dan masyarakat minoriti bukan sahaja memberi mereka ruang untuk berkembang, tetapi turut memperkuat kesejahteraan kolektif masyarakat. Pemimpin yang bersifat inklusif bukan sahaja membina organisasi atau komuniti yang lebih adil, tetapi juga mencipta ekosistem yang membolehkan setiap individu merasa dihargai dan mempunyai peranan signifikan dalam pembangunan sosial.

Sejajar dengan perubahan landskap global yang semakin dipacu oleh digitalisasi dan kecerdasan buatan, kepimpinan inklusif perlu terus berkembang dan beradaptasi dengan cabaran serta peluang baharu. Dengan mengintegrasikan nilai-nilai keterbukaan, empati, serta tanggungjawab sosial, pemimpin masa kini dapat membentuk komuniti yang lebih berdaya maju dan lestari. Akhirnya, kepimpinan inklusif bukan hanya tentang memberi ruang kepada semua, tetapi tentang mengangkat dan memperkasakan setiap individu untuk bersama-sama mencorak masa depan yang lebih cerah dan bermakna.

Bab Tiga



Kepimpinan Digital dan Pengaruh Teknologi dalam Pembangunan Komuniti

PENGENALAN

Era digital telah membawa perubahan besar dalam landskap kepimpinan komuniti. Ini kerana teknologi telah berperanan sebagai pemangkin utama dalam transformasi sosial dan pembangunan masyarakat. Kepimpinan komuniti tidak lagi terhad kepada kemahiran *interpersonal* semata-mata, tetapi turut memerlukan pemahaman yang mendalam tentang teknologi serta penggunaannya untuk memperkuat hubungan dalam komuniti. Kepimpinan digital merangkumi penggunaan alat-alat digital dalam meningkatkan operasi harian serta menyampaikan maklumat dengan lebih efektif. Ia juga melibatkan perubahan dalam cara pemimpin berinteraksi dengan ahli komuniti, merancang, dan melaksanakan projek pembangunan, sekali gus menyokong pembangunan komuniti yang lebih dinamik, inklusif, dan responsif terhadap keperluan masyarakat yang semakin kompleks.

Bab ini akan mengupas pelbagai aspek penting yang berkaitan dengan kepimpinan digital dan pengaruh teknologi dalam pembangunan komuniti. Dimulakan dengan pembahasan mengenai transformasi digital dalam kepimpinan komuniti, pengaruh media sosial dalam mobilisasi komuniti akan dijelaskan dengan memfokus

memberi ruang kepada pertumbuhan yang baharu, sebagaimana pemimpin harus sentiasa memperbaharui ilmu dan bersedia menerima perubahan demi kemajuan masyarakat.

Akhirnya, seperti pohon yang berbuah dan memberi manfaat kepada persekitarannya, pemimpin sejati ialah mereka yang sanggup meninggalkan warisan kepimpinan dan melahirkan generasi pelapis untuk mampu meneruskan legasi serta memperkukuh keharmonian komuniti.

Bibliografi

- Abdul Hamid, M.K. dan Chee Jia Xi. (2024). Healing Through Social Media Motivational Content Among Gen Z. *Forum Komunikasi*. 19, 2, 55-73.
- Abu Hassan, M., Md Saad, M. S., Mohd Noor, A. R., & Shukor, M. S. N. (2023). Kompetensi Kepimpinan Strategik Dalam Kalangan Pentadbir Profesional Universiti Menguruskan VUCA di Era Pasca Pandemik: Satu Tinjauan. *Journal of Human Capital Development*, 16(1), 67-74. <https://jhcd.utem.edu.my/jhcd/article/view/6398>
- Ackaradejruangsri, P., Mumi, A., Rattanapituk, S. et al. Exploring the Determinants of Young Inclusive Leadership in Thailand: Research Taxonomy and Theoretical Framework. *J Knowl Econ* 14, 3696-3723 (2023). <https://doi.org/10.1007/s13132-022-01017-7>
- Ahmed, I.; Fumimoto, K.; Nakano, T.; Tran, T.H. Blockchain-Empowered Decentralized Philanthropic Charity for Social Good. *Sustainability*, 16, 210. <https://doi.org/10.3390/su16010210>
- Alexander, K. C. (1994). *The Process of Development of Societies*. Sage Publications.
- Alsop, R., Bertelsen, M., & Holland, J. (2006). *Empowerment in Practice: From Analysis to Implementation*. World Bank Publications.



Prof. Dr. Hj. Binti Maunah, M.Pd.I
dilahirkan di Blitar, Jawa Timur pada 17
Julai 1966. Beliau merupakan Profesor
dalam bidang Sosiologi Pendidikan
dan Ilmu Sosial, dengan pengalaman luas dalam
pendidikan tinggi dan pengurusan akademik.

Beliau memperoleh pendidikan awal di MAN Denanyar
Jombang, sebelum melanjutkan pengajian ke S1 IAIN
Malang, S2 Unisma Malang, dan seterusnya mencapai
Guru Besar dalam bidang Ilmu Sosiologi Pendidikan pada
tahun 2020.

Sepanjang kerjaya, beliau telah berkhidmat sebagai
pensyarah di pelbagai institusi termasuk STAIN/IAIN/UIN
Tulungagung, UIN Malang, UNISMA Malang, dan STIT Ibnu
Sina Malang, serta berpengalaman sebagai Dosen DPK di
Universitas Brawijaya dan Universitas Merdeka Malang.
Beliau juga pernah memegang jawatan pentadbiran
penting seperti Kaprodi, Kabiro AAKD, Dekan FTK, Wakil
Dekan, Ketua Kaprodi S3 Manajemen Pendidikan Islam,
dan kini berkhidmat sebagai Ketua LPM UIN Tulungagung.

Kepakaran dan penulisan beliau merangkumi sosiologi
pendidikan, pendidikan karakter, supervisi pendidikan,
metodologi pengajaran, kurikulum pendidikan Islam,
psikologi pendidikan, serta kualiti dan pengurusan
pendidikan. Dalam lima tahun kebelakangan ini, fokus
penyelidikan beliau tertumpu kepada impak dan aplikasi
Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK/TIK) dalam
pendidikan.

Indeks

A

Adaptasi 108, 109
adaptif 16, 17, 26, 28, 123, 133, 141
adil 33, 42, 45, 46, 47, 51, 52, 55,
56, 61, 63, 67, 68, 88, 94, 119,
121, 126, 143, 152, 153, 155, 157
advokasi 54, 65, 109, 110, 111, 112
agama 12, 125
agen 4, 21, 30, 67, 99, 117, 118, 121,
157
agenda 23, 121, 155
akauntabiliti 33, 34, 39, 41, 45, 46,
47, 49, 67
akses 8, 53, 54, 55, 62, 65, 75, 82,
85, 87, 88, 89, 90, 91, 92, 120,
121, 134, 143, 145, 146, 151,
153, 154, 155
aksesibiliti 79
amalan 37, 38, 43, 44, 66, 67, 131,
132, 133
analisis 36, 77, 79, 100
anggota 23, 24, 36, 38, 47, 51, 71,
75, 94, 134, 151, 152, 157
aplikasi 5, 70, 71, 72, 76, 85, 88,
104, 111, 133, 166
ASEAN 70, 84, 85, 88, 89, 90, 91,
92, 93, 94

B

bandar 1, 8, 10, 26, 43, 65, 66, 78,
79, 80, 82, 83, 84, 85, 86, 87,
89, 90, 91, 92, 94, 102, 104,
129, 130, 132, 135, 139, 142,
155, 165, 166
banjir 11, 78, 139, 140, 148, 149, 150
bantuan 11, 20, 65, 71, 74, 75, 78,
104, 105, 106, 138, 144, 148,
150, 151, 153
bekerjasama 12, 25, 54, 114
bencana 11, 29, 65, 72, 74, 77, 78,
80, 139, 140, 147, 148, 149,
150, 151
beradaptasi 2, 29, 47, 68, 116, 124,
143, 145
berbeza 13, 17, 18, 21, 22, 24, 27,
28, 37, 50, 51, 54, 74, 143
berdaya 1, 2, 8, 9, 11, 30, 33, 40,
42, 46, 50, 51, 53, 62, 66, 67,
68, 77, 80, 85, 106, 114, 116,
119, 121, 122, 124, 127, 130, 131,
132, 133, 140, 141, 142, 143,
144, 145, 146, 147, 149, 152,
153, 156, 157, 158
berdikari 30, 62, 107, 115, 117, 122
beretika 39, 41, 45, 132
bergantung 1, 3, 4, 5, 6, 16, 24, 29,
30, 42, 88, 92, 94, 98, 101,
105, 106, 108, 113, 115, 120,

121, 127, 147, 157
 berintegriti 46, 48
 berinteraksi 3, 13, 35, 52, 54, 69,
 74, 84, 87, 93, 120, 133
 berisiko 78, 81, 90, 125, 138, 139,
 140
 berkanun 109, 110
 berkemampuan 8, 55, 82, 83, 92
 berkembang 1, 16, 18, 27, 30, 34,
 35, 36, 59, 67, 68, 73, 84, 89,
 90, 105, 115, 119, 121, 126, 129,
 134, 141, 145, 146, 160
 berkepentingan 1, 40, 66, 71, 97,
 101, 114, 151
 berkesan 1, 6, 7, 9, 10, 16, 17, 21, 27,
 29, 31, 33, 38, 41, 50, 63, 72,
 74, 76, 80, 83, 89, 91, 93, 95,
 97, 98, 99, 100, 101, 104, 105,
 112, 113, 117, 118, 119, 120, 121,
 124, 128, 131, 143, 147, 148,
 149, 150, 151, 152, 153, 154
 berkolaborasi 66, 157
 berkomitmen 103, 154
 berkomunikasi 10, 21, 52
 berorientasikan 16, 30, 113, 133,
 144, 152, 155
 berpaksikan 8, 99, 100
 berpandangan 8, 120, 153
 berpengetahuan 65, 114, 140, 141,
 146
 berperanan 40, 60, 65, 69, 76, 112,
 117, 118, 121, 123, 126, 128, 143,
 148, 150, 157, 171
 bertanggungjawab 35, 38, 45,
 46, 47, 49, 65, 67, 76, 81, 94,
 99, 121, 138, 146
 berwawasan 6, 23, 60, 118, 120,
 130, 155
 berwibawa 123
 blockchain 71
 Blueprint 82

C

cabaran 1, 10, 11, 16, 19, 20, 22, 23,
 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 35,
 40, 41, 42, 51, 58, 60, 63, 66,
 68, 71, 72, 75, 77, 78, 80, 81,
 82, 83, 87, 88, 89, 90, 91, 93,
 94, 102, 106, 114, 115, 121, 122,
 123, 124, 125, 126, 127, 128,
 131, 132, 133, 137, 138, 139,
 140, 141, 142, 144, 145, 146,
 147, 150, 152, 155, 156, 157,
 158, 159
 cadangan 13, 25, 115
 capaian 70, 71, 92
 cara 13, 22, 27, 31, 49, 55, 69, 70,
 75, 83, 101, 113, 119, 120, 121,
 133, 135, 148
 cekap 11, 27, 71, 84, 124, 138, 145,
 146, 147, 149, 150, 151
 cuaca 73, 78, 139, 148
D
 dasar 7, 8, 9, 11, 15, 26, 38, 43, 58,
 63, 66, 81, 85, 98, 118, 119,
 120, 121, 127, 140, 145, 152,
 153, 155
 data 11, 70, 71, 76, 77, 78, 79, 80,
 81, 82, 83, 84, 85, 90, 91, 93,
 94, 98, 100, 101, 104, 120, 129,
 138
 dialog 14, 24, 26, 111, 125, 126
 digital 10, 52, 69, 70, 71, 72, 73, 76,
 82, 83, 84, 85, 86, 87, 88,
 89, 90, 91, 92, 93, 94, 95, 98,
 100, 101, 104, 121, 133, 134,
 145, 163
 digitalisasi 1, 68, 70, 133, 134, 141,
 156
 dimensi 73, 93, 117, 119, 120, 121,
 124, 143, 144, 153
 dunia 1, 6, 7, 8, 9, 29, 31, 57, 59, 61,
 62, 64, 70, 73, 74, 80, 91, 92,

103, 104, 125, 127, 130, 131,
 132, 133, 135, 138, 139, 151,
 144, 147, 152, 153

E

efektif 5, 11, 25, 30, 34, 35, 43, 69,
 70, 72, 79, 93, 97, 98, 120,
 125, 138, 141, 144, 150, 153,
 157
 efisien 50, 71, 77, 78, 79, 83, 84, 86,
 112, 115, 147
 ekonomi 2, 3, 5, 6, 7, 9, 10, 16, 23,
 25, 26, 29, 41, 42, 46, 50, 51,
 55, 56, 57, 59, 62, 66, 67, 68,
 77, 85, 86, 88, 89, 90, 91, 92,
 94, 100, 101, 102, 104, 105,
 113, 117, 119, 120, 121, 124, 125,
 126, 129, 130, 131, 137, 142,
 143, 144, 145, 146, 150, 153,
 155, 156, 157, 166, 167
 ekosistem 29, 43, 45, 68, 90, 98,
 119, 145, 157
 elemen 6, 30, 42, 45, 50, 76, 78,
 86, 98, 101, 102, 114, 116, 119,
 127, 131, 142, 143
 empati 9, 11, 18, 28, 43, 54, 68
 era 27, 42, 52, 69, 70, 76, 84, 93,
 94, 95, 98, 100, 124, 126, 131,
 132, 161
 etika 34, 46, 47, 48, 94, 131, 146,
 157, 165

F

Facebook 53, 70, 73, 74, 81, 175
 faktor 12, 17, 38, 39, 41, 46, 78, 129,
 136, 155
 Fenomena 73, 125, 130, 135, 136,
 137, 139, 175
 fizikal 8, 63, 64, 70, 72, 75, 113, 139
 fleksibel 27, 29, 101, 121, 128
 fokus 19, 20, 28, 34, 36, 40, 57, 59,

69, 110, 112

G

gaya 11, 17, 24, 35, 38, 66, 93, 128,
 129, 132, 133, 135, 137, 141
 generasi 31, 38, 57, 60, 61, 92, 113,
 127, 128, 129, 130, 132, 135,
 136, 145, 146, 148, 152, 154,
 156, 157, 160
 geografi 52, 53, 72, 74, 87, 111, 125
 global 1, 8, 9, 10, 11, 16, 17, 60, 61,
 68, 74, 89, 123, 124, 126, 127,
 128, 130, 131, 132, 135, 137,
 140, 141, 145, 146, 151, 156,
 157, 163
 globalisasi 1, 7, 17, 29, 42, 84, 98,
 121, 123, 124, 131, 133, 135, 141,
 156
 golongan 8, 10, 34, 38, 42, 51, 55,
 56, 58, 60, 61, 62, 63, 64, 67,
 68, 82, 83, 87, 90, 92, 102,
 118, 119, 120, 121, 126, 129, 130,
 132, 134, 135, 136, 137, 138,
 139, 142, 146, 150, 153, 154,
 155, 171

H

harapan 11, 22, 107, 108, 152
 holistik 3, 5, 6, 17, 43, 45, 57, 59,
 65, 67, 98, 102, 117, 119, 120,
 121, 123, 124, 141, 144, 146

I

ideologi 125, 126
 impak 4, 9, 12, 15, 20, 21, 30, 33,
 39, 41, 46, 51, 55, 57, 59, 66,
 67, 68, 71, 78, 80, 95, 98, 103,
 105, 112, 113, 121, 133, 135, 137,
 139, 147, 149, 151, 154, 156
 individu 1, 3, 12, 13, 19, 20, 24, 25,
 30, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 40,
 42, 43, 45, 46, 49, 50, 51, 52,

penilaian 15, 90, 98, 101, 105, 112, 114, 121
 penindasan 2
 peningkatan 35, 39, 44, 56, 78, 90, 92, 103, 110, 116, 133, 134, 139, 140, 154
 penyakit 66, 79, 84, 138, 153
 penyalahgunaan 81, 82, 91, 133, 134
 penyertaan 4, 6, 12, 13, 17, 30, 33, 41, 42, 53, 61, 67, 101, 106, 107, 112, 120, 142, 154
 perancangan 3, 5, 6, 14, 15, 16, 17, 79, 80, 86, 94, 98, 99, 101, 103, 106, 109, 112, 114, 118, 127, 144, 147
 perkembangan 17, 39, 45, 49, 56, 73, 74, 75, 87, 128, 139, 145
 perkhidmatan 18, 30, 79, 80, 83, 85, 86, 87, 88, 89, 90, 91, 94, 104, 153, 155
 perkongsian 73, 75, 111
 perlindungan 65, 81, 82, 93, 149, 159
 persekitaran 2, 5, 24, 27, 33, 34, 35, 36, 38, 44, 45, 46, 47, 49, 66, 67, 78, 79, 113, 119, 120, 132, 141, 157
 populasi 88, 90
 pragmatik 128
 praktikal 41, 113, 132, 136, 146, 148
 produktiviti 36, 47
 profesional 5, 19, 36, 43, 63, 83, 90
 program 3, 4, 5, 8, 12, 13, 16, 20, 26, 43, 54, 65, 66, 71, 72, 79, 80, 83, 85, 86, 87, 92, 97, 101, 102, 103, 105, 106, 107, 108, 109, 110, 111, 112, 113, 114, 115, 116, 119, 121, 130, 132, 148, 152, 169

Q

quo 8, 21

R

rakyat 7, 8, 9, 10, 11, 58, 73, 75, 78, 83, 86, 87, 92, 93, 94, 110, 138, 142, 143, 153, 157
 rancangan 108, 109
 rentan 34, 42, 55, 56, 67, 68
 responsif 2, 3, 11, 17, 29, 30, 37, 42, 69, 71, 83, 84, 93, 124, 132, 133, 142, 145, 152, 156
 risiko 41, 55, 78, 123, 139, 144, 149

S

sahih 75, 76, 134
 sanitasi 151
 segelintir 119, 157
 seimbang 42, 43, 51, 56, 66, 72, 102, 120, 128, 130, 146, 152
 seiring 80
 sejagat 89, 157
 sejahtera 12, 67, 117, 123, 133
 seksual 134
 sektor 1, 10, 12, 42, 58, 59, 60, 61, 64, 65, 68, 77, 79, 83, 86, 87, 90, 91, 93, 97, 99, 100, 111, 114, 117, 118, 121, 144, 147, 152, 154, 155
 senator 64
 solidariti 51, 72, 75, 157
 sosial 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 10, 13, 14, 16, 17, 23, 25, 30, 33, 34, 37, 39, 40, 41, 42, 43, 45, 46, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 62, 65, 66, 67, 68, 69, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77, 80, 81, 86, 88, 89, 91, 93, 95, 100, 101, 102, 104, 105, 110, 111, 112, 113, 114, 117, 118, 119, 120, 121, 124, 125, 126, 127, 128, 130, 131, 133, 134, 135, 136, 137, 138, 139, 141, 142, 143, 144,

145, 146, 147, 152, 153, 154, 155, 156, 157, 171
 sosioekonomi 29, 139
 stereotaip 63
 strategi 6, 10, 11, 17, 27, 29, 31, 44, 91, 102, 103, 105, 108, 109, 113, 114, 121, 132, 133, 149, 152
 strategik 3, 17, 30, 40, 67, 93, 94, 97, 99, 100, 111, 112, 117, 120, 121, 123, 124, 145, 152, 157
 struktur 4, 7, 10, 17, 36, 56, 71, 118, 123, 124, 128, 130, 133, 144
 suruhanjaya 2, 110
 swasta 1, 86, 93, 97, 99, 100, 109, 111, 114, 118, 121, 147, 152, 155

T

tanggungjawab xiii, 12, 13, 19, 37, 41, 45, 46, 47, 49, 51, 52, 68, 86, 122, 128, 158
 taraf 23, 103, 119, 129
 tekanan 23, 29, 39, 138, 143, 145
 teknologi 1, 2, 7, 8, 17, 29, 52, 53, 59, 61, 67, 69, 70, 71, 72, 73, 76, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 84, 85, 86, 87, 88, 89, 90, 92, 93, 94, 95, 97, 98, 100, 101, 102, 104, 105, 120, 121, 128, 133, 134, 141, 145, 148, 154, 156, 157
 teladan 37, 38, 46, 48
 tersusun 3
 Tiktok 73
 tradisional 3, 18, 29, 36, 37, 70, 72, 74, 76, 87, 94, 104, 128, 133, 141, 143
 transformasi 2, 8, 10, 13, 17, 23, 30, 69, 70, 71, 88, 117, 121, 146
 Twitter 53, 70, 73, 74

U

unik 16, 38, 51, 62

unilateral 24
 urbanisasi 129
 usahawan 9, 10, 59, 62, 65, 134
 utuh 49

V

virtual 86
 visi 8, 9, 21, 23, 30, 37, 66, 98, 124, 152
 vokasional 154

W

wabak 138
 wacana 63, 124
 wanita 10, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 68, 118, 134, 155
 warganegara 63, 118
 warisan 29, 160
 wawasan 108
 WhatsApp 74
 wilayah 16, 41, 124, 140,

Y

yayasan 110

Z

zaman 84, 133, 141, 156
 Zoom 53

Kepimpinan dalam **PEMBANGUNAN KOMUNITI**

Strategi, Cabaran dan Masa Depan

Buku ini mengupas peranan penting kepimpinan dalam pembangunan komuniti, khususnya dalam era globalisasi dan digitalisasi yang mencabar. Ia menekankan keperluan pemimpin untuk bijak membaca realiti semasa, membina jaringan sosial dan memanfaatkan teknologi demi kesejahteraan masyarakat. Turut dibincangkan ialah teori dan strategi kepimpinan, pendekatan inklusif serta penggunaan teknologi seperti media sosial dan AI dalam memperkasa komuniti, terutamanya di rantau ASEAN. Buku ini juga meneliti cabaran semasa seperti pengurusan krisis dan keperluan menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Ia sesuai dijadikan rujukan oleh pemimpin komuniti, akademik, penyelidik dan pembuat dasar dalam usaha membentuk masyarakat yang lestari dan progresif.



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Penerbit

ISBN 978-629-490-275-6



0 5 3 0 0

9 786294 902756

**PENERBIT
UTHM**

